

**AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993**

**PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (KETIDAKPAKAIAN PENGGAL 5  
BAHAGIAN IV) 2005**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 124 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian IV) 2005.**

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pelabur berkelayakan” ertinya—

- (a) seseorang individu yang jumlah bersih aset persendirianya melebihi tiga juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing;
- (b) sesuatu perbadanan dengan jumlah bersih aset melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing berdasarkan kepada akaun teraudit yang terakhir; atau
- (c) suatu skim amanah saham atau skim pelaburan yang ditetapkan;  
“pengurus kumpulan wang” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [Akta 280].

## **Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian IV Akta**

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan 3(2), peruntukan penggal 5 Bahagian IV Akta tidak terpakai berkenaan dengan mana-mana terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, apa-apa unit berhubung dengan sesuatu skim amanah saham yang dibuat khusus kepada pelabur berkelayakan oleh seseorang pengurus kumpulan wang berlesen.
- (2) Pengurus kumpulan wang berlesen yang menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mempelawa untuk melanggan atau membeli, apa-apa unit kepada pelabur berkelayakan hendaklah mematuhi apa-apa kehendak yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Dibuat 19 Oktober 2005

[KK/BPKA/K2/(S)/483/9/1; PN(PU<sup>2</sup>)523/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP

*Menteri Kewangan Kedua*